

20 MAY 2001

Samy-Pemimpin

PEMIMPIN MIC PERLU UBAH CORAK PEMIKIRAN HADAPI CABARAN

JOHOR BAHRU, 20 Mei (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu meminta pemimpin parti itu terutama di peringkat cawangan supaya mengubah corak pemikiran bagi menghadapi cabaran masa depan dan membantu memperbaiki keadaan masyarakat.

"Kita perlukan pemimpin yang bekerja keras, agresif dan dihormati oleh kaum lain di negara ini supaya pemimpin sekarang dapat memainkan peranan lebih berkesan dalam berkhidmat kepada masyarakat," katanya.

Beliau berkata pemimpin tidak seharusnya terikat dengan kawasan masing-masing tetapi perlu tahu mengenai keadaan politik negara supaya dapat memberi penjelasan kepada rakyat.

Katanya parti itu yang kini mempunyai 540,000 anggota adalah parti tunggal yang mewakili kaum India dalam kerajaan.

"Kita mahukan lebih ramai anggota supaya kerajaan mendengar pandangan kita dan memberi perhatian lebih serius terhadap masalah masyarakat (India)," katanya kepada perwakilan yang menghadiri Perhimpunan Agung ke-55 parti itu di sini hari ini.

Beliau berkata parti itu kini menjadikan program pendidikan sebagai keutamaan kerana hanya melaluinya masyarakat India boleh lebih berperanan di negara ini.

Oleh sebab itulah maka MIC mahu memastikan Universiti Sains, Perubatan dan Teknologi Asia di Semiling, Kedah dilaksanakan, katanya.

Beliau yang berkata sebanyak RM450 juta diperlukan bagi penubuhan universiti itu menyesali sikap perwakilan kerana tidak membincangkan usaha mendapatkan sumbangan bagi tujuan tersebut.

Mengenai ketelusan dalam parti itu, beliau berkata pemimpin parti boleh mendedahkan sesetengah perkara dalam parti tetapi tidak semuanya secara terperinci kerana semua keputusan dibuat oleh jawatankuasa kerja pusat.

Beliau juga menolak cadangan supaya seorang pembantu khas kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilantik bagi menjelaskan isu kaum India.

"Saya boleh memberitahu sendiri Perdana Menteri mengenai apa yang berlaku semasa berjumpanya setiap minggu...Saya tak nampak keperluan melantik pegawai seperti itu," katanya.

Beliau bagaimanapun berkata MIC akan meminta wakilnya dilantik sebagai setiausaha parlimen Kementerian Pembangunan Keluarga dan Wanita.

-- BERNAMA

SR JK MOZ